

KENYATAAN TAWARAN

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di bawah.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (WAJIB)	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
CAAM/HQ/400 -10/2/11	KERJA-KERJA BAIK PULIH MOTORIZED BLIND SYSTEM DAN MENAIK TARAF VISUAL CONTROL ROOM (VCR) TOWER WEST, PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM, KLIA	020101 Perabot, Peralatan Pejabat, Hiasan Dalam dan Domestik / Perabot, Kelengkapan dan Aksesori / Perabot, Perabot Makmal dan Kelengkapan Berasaskan Kayu, Rotan / Fabrik / Logam/ Plastik 220503 Penyelenggaraan / Pembaikan Kejuruteraan Dan Komunikasi /Perkakas/Sistem Elektrik	31 Mei 2018 (Khamis)	<u>Tarikh:</u> 5 Jun 2018 (Selasa) <u>Masa:</u> 9.00 pagi <u>Tempat:</u> Bilik Latihan Kompleks Tower West (KLIA2) Jalan KLIA 2/3 64000 KLIA, Selangor	<u>Tarikh:</u> 12 Jun 2018 (Selasa) <u>Masa:</u> Sebelum atau pada Jam 12.00 tengahari <u>Tempat:</u> Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, Blok Podium A, Presint 4, 62618 Putrajaya

3. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Selaras dengan 1PP PK2.1 perenggan 8 (vii)(a)(3)(vi), hanya penama di sijil akaun pendaftaran syarikat MOF sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat ini. Pembekal tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam sijil tersebut. Pembekal dikehendaki membawa sijil pendaftaran syarikat (MOF), cop rasmi syarikat dan kad perniagaan. Kegagalan mengesahkan kehadiran akan menyebabkan penyebut harga tidak layak menyertai sebut harga ini.

4. Borang Sebut Harga (Lampiran Q) hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kod bidang yang ditetapkan.
 - b. Membawa **dokumen asal** Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera yang sah tempoh lakunya beserta **satu salinan**.
 - c. Menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti yang ditetapkan.
5. **KEGAGALAN** kontraktor mendapatkan Borang Sebut Harga (Lampiran Q) berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan di atas akan menyebabkan tawaran sebut harga **TIDAK DIPERTIMBANGKAN dan DITOLAK**.
6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis nombor sebut harga serta tajuk sebut harga di bahagian atas sebelah kiri ke alamat seperti di atas.
7. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
8. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan penghantaran melalui perkhidmatan segera Pos Laju tidak digalakkan.
9. Dokumen sebut harga ini boleh diakses menerusi laman web Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
[#">http://www.dca.gov.my.#](http://www.dca.gov.my)